

Berita Ba BUteM



SELAMAT MENYAMBUT

رمضان
Al Mubarak

Daripada :
Pengurusan Universiti

www.utem.edu.my | Mei & Jun 2014

SERUAN NEGARAWAN ULUNG

Jadi Arimat
Kepada Warga UTeM



Setinggi-tinggi Tahniyah


Y.BHG. PROF. DR. SHAHRIN BIN SAHIB
Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka



*Setinggi Penghargaan dan
Jutaan Terima Kasih*

Y.BHG. PROF. DATUK DR. AHMAD YUSOFF BIN HASSAN
Mantan Naib Canselor, Universiti Teknikal Malaysia Melaka


ISSN 1985 - 4706





SERUAN NEGARAWAN ULUNG

Jadi Arimat Kepada Warga UTeM



19 Mei : Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri keempat sekali lagi hadir di Dewan Besar UTeM bagi menyampaikan hasrat dan pandangan beliau terhadap kepentingan universiti teknikal kepada pembangunan negara.

Program Chancellor's Talk menampilkan negarawan ulung itu, menghimpunkan lebih 5,000 warga UTeM terdiri daripada pelajar dan staf serta tetamu undangan bagi mendengar amanat beliau bertajuk "Peranan Universiti Berteraskan Teknikal Dalam Persekitaran Malaysia Bagi Menjayakan Aspirasi Negara Maju".

Menerusi ucapannya, Tun Mahathir menyeru warga universiti supaya menguasai pelbagai cabang ilmu pengetahuan agar hasrat untuk menjadi negara maju pada tahun 2020 dapat dicapai dengan jayanya.

Katanya lagi, penguasaan Bahasa Inggeris sebagai bahasa ilmu moden sangat penting kerana segala penemuan baru dan bahan rujukan diterbitkan dalam bahasa tersebut.

Sementara itu, bagi Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika ditemui berkata, program "Chancellor's Talk" merupakan satu platform perkongsian bersama tokoh-tokoh

terulung negara bersesuaian dengan peranan UTeM sebagai pusat pengembangan ilmu pengetahuan.

"UTeM dan Tun Mahathir mempunyai hubungan yang sangat signifikan kerana beliau yang telah merasmikan Majlis Pecah Tanah Kampus Induk UTeM (ketika itu dikenali KUTKM) pada tahun 2001 dan pada tahun 2009, mantan Perdana Menteri itu dianugerahkan Ijazah Doktor Kehormat Pembangunan dan Pengurusan Teknologi," kata Ahmad Yusoff.

Hadir sama pada program itu Tuan Yang Terutama Yang Di-Pertua Negeri Melaka, Tun Mohd Khalil Yaakob yang juga Canselor UTeM, Ketua Menteri Melaka serta tetamu kenamaan lain.



Isi Kandungan Mei - Jun

Pengerusi LPU

*Terima Darjah Kebesaran
daripada*

Yang Di-Pertuan Agong

10 Jun : Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) Datuk Ir. Dr. Ahmad Zaidee Laidin telah menerima darjah kebesaran Panglima Setia Mahkota (PSM) yang membawa gelaran Tan Sri sempena sambutan ulang tahun keputeraan rasmi Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada Sabtu lalu.

Menurut kenyataan dikeluarkan oleh Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat, Ahmad Zaidee merupakan antara 46 penerima darjah kebesaran tersebut yang telah berlangsung di Istana Negara.

Ahmad Zaidee merupakan anak kelahiran Kuala Kangsar, Perak telah dilantik sebagai Pengerusi LPU UTeM sejak Mei 2011 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan pentadbiran dan pembangunan universiti yang mampan selaras dengan panduan penilaian tadbir urus institusi pengajian tinggi sekaligus membantu meletakkan halatuju UTeM di landasan tepat sesuai dengan pengalaman dimilikinya.

Beliau berpengalaman luas dalam bidang kejuruteraan, pendidikan dan sektor korporat serta telah banyak memberi sumbangan dan idea bagi pembangunan dan kejayaan yang dicapai oleh UTeM sehingga kini.

Ahmad Zaidee turut aktif dalam persidangan antarabangsa dan penulisan ilmiah serta telah menulis lebih 200 kertas kerja mengenai pelbagai bidang merangkumi latihan organisasi, teknikal, kejuruteraan elektrik, pengurusan projek, dan banyak lagi.

Beliau mendirikan rumahtangga dengan Datin Rusila Abdul Razak dan dikurniakan tiga anak lelaki, seorang anak perempuan, seorang cucu dan tiga orang cicit.



- 2 **Seruan Negerawan Ulung** Jadi Azimat Kepada **Warga UTeM**
- 3 **Pengerusi LPU** Terima Darjah Kebesaran Daripada **Yang Di-Pertuan Agong**
- 4 **Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin Bin Sahib** dilantik **Naib Canselor Baharu** Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- 5 Program **CEO Rountable 2014** Beri Impak Pembangunan Mahasiswa Holistik
- 6 **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Anugerah Sanjungan** Universiti 2014 Iktiraf Sumbangan Warga UTeM
- 7 **UTeM dan DBP Jalin Perkongsian Pintar** Semarakkan Penerbitan Buku Akademik
- 8 Majlis **Menandatangani MoU** Diantara **MTUN dengan University Malaya**
- 9 **Pejabat Perdana Menteri** Adakan Sesi Pemahaman dan Perkongsian Idea **Bersama Mahasiswa UTeM**
- 10 **INNOFEST 2014** Capai Matlamat Penganjuran
- 11 **INOVASI UTeM** Menyinar di **ITEX 2014**
- 12 **UTeM** Terima Kemasukan Pendaftaran **Pelajar Baharu Diploma**
- 13 **Ir. Mohd Farriz** Terima **Anugerah Young Engineer Award**
- 14 **Vehicle Smart Security (VSS)** Bantu Kurangkan Kes **Kehilangan Kenderaan**
- 15 **Pelajar FTK** Bersaing Dalam Pertandingan **Formula Student Racing Car - Engineering Safety Challenge**
- 16 **Program Keusahawanan** Bentuk Mahasiswa Kreatif dan Berdaya Saing
Festival Musim Bunga UTeM **Disambut Meriah**
- 17 **Mantan YDP MPP** Terima Anugerah Kepimpinan **UTeM 2013**
- 18 **Nor Fadli dan Yeni Ermita** Dinobatkan **Olahragawan dan Olahragawati UTeM 2013**
- 19 **Aktiviti @ UTeM**

Y.Bhg. Prof. Dr. Shahrin Bin Sahib

dilantik NAIB CANSOLOR BAHARU

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

16 Jun : Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib telah dilantik sebagai Naib Canselor UTeM yang baharu berkuatkuasa hari ini.

Menurut kenyataan yang dikeluarkan oleh Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat UTeM, Shahrin memperolehi Ijazah Doktor Falsafah (PhD) dalam bidang Parallel Processing dari University of Sheffield, United Kingdom dan Sarjana Sains Dalam Kejuruteraan dari University of Purdue, Amerika Syarikat.

Beliau memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2002 dan seterusnya dilantik sebagai Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi UTeM pada tahun 2006. Shahrin pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pengurusan Pembangunan Akademik di Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia serta dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Kluster ICT Majlis Professor Negara.

Pemilihan Shahrin adalah berdasarkan kepada kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian dengan mengambil kira pengalaman akademik, penyelidikan dan pentadbiran beliau seiring dengan status UTeM sebagai universiti berfokus yang berteraskan bidang teknikal.





Program **CEO Roundtable** 2014

Beri Impak Pembangunan Mahasiswa Holistik

9 Jun : UTeM hari ini menganjurkan program 'CEO Roundtable 2014' iaitu sesi pertemuan eksklusif di antara pengurusan universiti bersama ketua pegawai eksekutif organisasi ternama dari dalam dan luar negara.

Menurut Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan ketika ditemui berkata, pertemuan itu dianjurkan untuk mendapat pandangan serta saranan pihak industri terhadap ciri-ciri graduan yang diperlukan dalam pasaran kerja semasa, menjalin rangkaian kerjasama strategik serta memperkasa perkongsian penyelidikan.

"Program pada hari ini menjadi platform UTeM untuk bergerak selari dengan kehendak semasa dan penglibatan tokoh-tokoh korporat yang hadir memberi maklumbalas berguna sangat diperlukan bagi merealisasikan hasrat universiti melahirkan graduan serba boleh," jelas Dr. Ahmad Yusoff.

Beliau menambah, melalui hasil perbincangan tersebut, pihaknya mampu merancang dan mengkaji penambahbaikan bersesuaian untuk menghasilkan tenaga kerja professional yang menyumbang kepada pembangunan negara.

"Antara aspek dibincangkan dengan mendalam adalah kualiti graduan yang memasuki alam pekerjaan, elemen keusahawanan serta jati diri bagi menghadapi cabaran dewasa ini yang memerlukan bukan sahaja kecemerlangan akademik malah kekuatan dalaman serta kematangan seseorang graduan," kata Ahmad Yusoff.

"CEO Roundtable 2014 telah dihadiri oleh 16 orang ketua pegawai eksekutif daripada pelbagai latarbelakang industri seperti teknologi maklumat, pembuatan, keusahawanan serta penyelidikan yang berkongsi idea dan pandangan terhadap situasi semasa serta keperluan masa hadapan negara dan global," tambahnya lagi.

Pada majlis sama, UTeM turut melancarkan buku bertajuk "Melaka Wadah Tumpuan" yang mengisahkan kejayaan negeri Melaka sebagai pusat tumpuan industri dunia, pelabur asing serta hab pendidikan serantau.

Dalam pada itu, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff menyatakan bahawa berdasarkan maklumbalas positif yang diterima, UTeM merancang untuk melibatkan tokoh-tokoh korporat tempatan dan antarabangsa yang akan berkongsi pengalaman, pendapat dan saranan bagi menjadikan universiti itu setanding dengan institusi teknikal antarabangsa.





Majlis ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG & Anugerah SANJUNGAN UNIVERSITI

2014

Iktiraf Sumbangan Warga UTeM

4 Jun : Pada tahun ini seramai 160 orang staf UTeM daripada pelbagai gred dan jawatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) atas sumbangan yang telah diberikan kepada pihak universiti.

Presiden Kesatuan Kakitangan Am UTeM (KEKUTeM) Jamal Abd. Nasir Abd Wahab membuka tirai majlis selaku penerima Anugerah Khas Universiti yang mengiktiraf sumbangan dan kepimpinan beliau dalam badan kesatuan penjawat awam peringkat nasional selain aktif memberi cadangan kepada penambahbaikan perkhidmatan.

Manakala Dekan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Engr. Dr. Noreffendy Tamaldin dan Pensyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Ir. Dr. Md. Nazri Othman telah dipilih sebagai calon penerima Pingat Perkhidmatan Cemerlang (PPC) khusus bagi pegawai perkhidmatan awam yang menunjukkan kecemerlangan luar biasa dalam tugas

serta aktif dalam penglibatan dan sumbangan di luar tugas rasmi, yang boleh mengharumkan nama organisasi dan negara.

Menurut Naib Canselor UTeM, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan dalam ucapannya menjelaskan bahawa penganjuran majlis tersebut adalah sebagai tanda penghargaan dan terima kasih pihak universiti di atas sumbangan warga kerjanya dalam menyumbang keringat dan komitmen yang berterusan agar kecemerlangan dapat diteruskan.

Turut diperkenalkan Anugerah Sanjungan Universiti yang mengiktiraf sumbangan staf yang telah berkhidmat dalam sektor awam melebihi 20 tahun.

Manakala dua orang pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTK) turut menerima penghargaan khas di atas sumbangan ikhlas dan menunjukkan sikap terpuji kepada masyarakat.



UTeM & DBP

JALIN PERKONGSIAN PINTAR

Semarakkan

PENERBITAN BUKU AKADEMIK



UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusof Hassan dan Ketua Pengarah DBP Datuk Dr. Awang Sariyan.

Ahmad Yusoff dalam ucapannya berkata, kerjasama tersebut merupakan inisiatif yang bertepatan bagi mempertingkatkan kemahiran penyelidik UTeM dalam bidang penulisan dan penerokaan peluang untuk terus memperkayakan pembangunan penyelidikan teknikal bagi menghasilkan penerbitan yang berimpak tinggi ke peringkat nasional mahupun antarabangsa.

Sementara itu, menurut Dr. Awang Sariyan, perkongsian pintar dalam program penerbitan perlu diadakan dengan institusi pengajian tinggi awam, institusi perguruan dan badan kerajaan yang terlibat dengan penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran.

12 Mei : UTeM menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi menyemarakkan kerjasama dalam bidang penulisan dan penerbitan buku berkaitan akademik, umum serta penyelidikan melalui program penerbitan berpakej.

Program penerbitan berpakej bermatlamat untuk menghasilkan buku yang bermutu dalam pelbagai bidang ilmu di samping untuk mempercepatkan proses penerbitan dengan kaedah kerja yang lebih terancang.

Bidang ilmu yang dibina termasuklah bidang bahasa, sastera, sains dan teknologi, sains sosial dan kemanusiaan, dan agama dan tamadun Islam, termasuk buku untuk kanak-kanak dan remaja, buku umum dan ilmiah untuk bacaan masyarakat umum, pelajar, mahasiswa dan golongan profesional.

Majlis menandatangani persefahaman itu berlangsung di Kampus Teknologi UTeM Ayer Keroh disempurnakan oleh Naib Canselor

Jelas beliau, usaha itu amat penting kerana di institusi sebeginilah wujudnya lubuk ilmu dan cendekiawan yang perlu digembleng tenaga, kepakaran dan pemikiran mereka bagi menghasilkan buku-buku bermutu yang diperlukan untuk memajukan masyarakat serta membangunkan kepustakaan dan tamadun bangsa dan negara.





Majlis MENANDATANGANI MoU Di Antara MTUN Dengan University Malaya POWER ENERGY DEDICATED ADVANCED CENTRE (UMPEDAC)



Pada majlis itu, UTeM diwakili oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr Ahmad Yusoff Hassan, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diwakili oleh Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Mohd. Noh Dalimin, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal manakala Universiti Malaysia Pahang (UMP) diwakili oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Mortaza Mohamed.



Sementara itu, Universiti Malaya diwakili oleh Prof. Dr. Mohd Hamdi bin Abd. Shukor, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) mewakili Naib Canselor Universiti Malaya.

Turut hadir menyaksikan majlis bersejarah itu Prof. Dr. Nasrudin Abd. Rahim, Pengarah UMPEDAC serta YB Hj. Md Rawi Mahmud, Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi negeri Melaka

12 Mei : Satu majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) di antara rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) dengan University Malaya Power Energy Dedicated Advanced Centre (UMPEDAC) telah berlangsung di Dewan Jamuan Canselori hari ini.

MoU tersebut antara lainnya memeterai kerjasama di antara universiti-universiti MTUN dan UMPEDAC dalam bidang penyelidikan tenaga termaju serta perkongsian strategik dengan universiti terlibat.



PEJABAT PERDANA MENTERI

Adakan Sesi Pemahaman
Dan Perkongsian Idea

Bersama

MAHASISWA UTeM



23 Mei : Pejabat Perdana Menteri dan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah mengadakan sesi pemahaman dan perkongsian idea bersama pelajar di Bangunan Canselori, Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Sesi perkongsian idea tersebut telah disampaikan oleh Pengarah Bahagian Perancangan Strategik Pejabat Perdana Menteri, Datuk Shahlan Ismail.

Turut hadir Timbalan Naib Canselor (HEPA) UTeM Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid, Pengarah Bahagian Pembangunan Mahasiswa Kementerian Pendidikan Malaysia, Haji Ibrahim Ali serta lebih 100 pelajar yang terdiri daripada exco Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) serta wakil-wakil kelab dan persatuan serta jawatankuasa kolej-kolej kediaman UTeM.

Menurut Datuk Shahlan, tujuan diadakan program tersebut adalah untuk memberi pendedahan kepada mahasiswa UTeM untuk berkongsi idea mengenai isu-isu semasa serta hal-hal yang berkaitan falsafah negara dan dasar-dasar kerajaan.

Terdahulu, Datuk Shahlan turut mengadakan pertemuan dan perbincangan bersama Naib Canselor UTeM Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan.

Pertemuan itu turut dihadiri Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Prof. Dr. Shahrin Sahib@Sahibuddin dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd. Nor.



18 Mei : Festival Inovasi Antarabangsa 2014 (INNOFEST 2014) anjuran Persatuan Inventif, Inovatif dan Pemikir Kreatif (ASCIIC) UTeM berjaya mencapai matlamatnya dengan mengumpul lebih 440 projek penyelidikan daripada sekolah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) seluruh negara.

Menurut Ketua Pengarah program S. Kanthaan berkata, program berlangsung selama dua hari di Dewan Besar UTeM mendapat sokongan penuh Kerajaan Negeri Melaka, Kementerian Pendidikan Malaysia serta Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI).

“Penganjuran INNOFEST 2014 bertujuan memberikan pendedahan dan pengalaman kepada mahasiswa dan pelajar untuk menjana idea bernas, meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi serta kemahiran insaniah untuk menyumbang kepada bidang sains dan teknologi,” jelas Kanthaan.

Festival tersebut dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu sekolah rendah, sekolah menengah, pelajar peringkat sijil, peringkat diploma, sarjana muda dan peringkat penyelidik.

Bagi kategori sekolah rendah, anugerah pencapaian tertinggi dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan Perempuan Methodist 2 Melaka dan Sekolah Kebangsaan Bukit Jalil Kuala Lumpur.

Bagi kategori sijil, Kolej Komuniti Tasek Gelugor Pulau Pinang muncul juara dengan produk “Kurma Flakes” manakala Kolej Komuniti Batu Pahat dengan inovasinya “Batik in Fibreglass turut meraih anugerah.

Bagi kategori diploma pula pemenang adalah “Mesin Proses Pengasingan” dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), “V Smart Mobile Power Supply dari UTeM, “Smart Recycle Bin” dari Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah Pahang dan Machine Clamping” dari Politeknik Merlimau.

Pemenang menerima sijil dan pingat disampaikan Timbalan Exco Pelajaran, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi, Teknologi Hijau dan Inovasi Negeri Melaka Yang Berhormat Md. Rawi Mahmud mewakili Ketua Menteri Melaka.





INOVASI UTeM Menyinar di ITEX 2014



10 Mei : Penyelidik UTeM terus mencipta kejayaan gemilang ketika menyertai *International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2014 (ITEX 2014)* di Kuala Lumpur hari ini.

Pada pertandingan inovasi tersebut, pasukan penyelidik UTeM yang menghantar lima penyertaan berjaya membawa pulang empat pingat emas dan satu perak sekaligus mencipta sejarah tersendiri pada edisi ke-25 penganjurannya tahun ini.

Daripada jumlah tersebut, produk penyelidikan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) dan Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) masing-masing menyumbang dua pingat emas manakala hasil inovasi Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dengan satu perak.

"*Vehicle Smart Security*" (VeSS) ciptaan Engr. Anuar Mohamed Kassim dari FKE merupakan antara produk yang mendapat perhatian ramai di ITEX 2014.

"VeSS mematikan sistem enjin kenderaan setelah mengesan pergerakan yang tidak diinginkan pemilik secara automatik dengan teknologi sensor yang digunakan," kata Anuar ketika ditemui di tapak pameran ITEX 2014.

Jelasnya, satu pesanan amaran melalui sistem pesanan ringkas (SMS) akan dihantar kepada pemilik dengan memberikan kordinat kenderaan tersebut yang boleh diakses secara terus melalui Google Map bagi pengguna telefon pintar dan juga melalui komputer.

Manakala Datuk Prof. Dr. Mohd Ruddin Abd. Ghani juga dari fakulti yang sama dengan inovasinya "*iRemote Terminal Unit*" turut menempah nama apabila diumumkan sebagai penerima anugerah khas "Belgium Award" oleh Innova Brussels-Belgium.

Kejayaan UTeM di ITEX 2014 turut mendapat perhatian agensi pengkomersilan dari dalam dan luar negara untuk menjalinkan rangkaian strategik dalam memasarkan produk tersebut ke peringkat global.

Bagi Naib Canselor, Prof. Datuk Ahmad Yusoff Hassan berkata, kejayaan penyelidik universiti itu di ITEX 2014 merupakan perangsang kepada ahli akademik lain untuk menggiatkan usaha meningkatkan kualiti penyelidikan seterusnya mencipta kejayaan dalam pertandingan akan datang.

lanya juga sebagai satu cabaran untuk membuktikan hasil inovasi dari Malaysia mampu memberi impak besar kepada perkembangan teknologi masa kini, katanya lagi.



Terima Kemasukan **PELAJAR BARU PROGRAM DIPLOMA**

1 Jun : UTeM menerima kemasukan seramai 228 orang pelajar baru bagi mengikuti program diploma pada sesi pendaftaran yang diadakan di Kampus Induk Durian Tunggal.

Menurut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid berkata, kemasukan pelajar tersebut adalah bagi sesi pengajian 2014/2015 melibatkan lima buah fakulti yang menawarkan program diploma iaitu Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK), Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) dan Fakulti Teknologi Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK).



Jelasnya lagi, Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) telah melaksanakan persediaan awal bagi memastikan keselesaan pelajar-pelajar baru yang ditempatkan di beberapa kolej kediaman di sekitar Ayer Keroh dan Bukit Beruang.

Turut diadakan semasa hari pendaftaran ialah sesi taklimat pengenalan universiti kepada ibu bapa yang telah disampaikan oleh Timbalan Pendaftar Kanan, Zainudin Ahmad.

Kelancaran urusan pendaftaran serta kemudahan pengangkutan mencukupi menjadikan ibu bapa yang ditemui berpuashati terhadap perkhidmatan yang diberikan oleh pihak universiti.





Ir. Mohd Farriz

Harumkan Nama **UTeM**

Rangkul Anugerah Jurutera Muda

12 Jun : Pensyarah Kanan Ir. Mohd Farriz Md Basar mencipta sejarah apabila menerima Anugerah Jurutera Muda oleh Institut Jurutera Malaysia (IEM) dalam satu majlis yang berlangsung Sabtu lalu.

Mohd Farriz, 34, berkhidmat di Fakulti Teknologi Kejuruteraan memulakan kerjaya di UTeM pada tahun 2005 sebagai Jurutera Pengajar sebelum dilantik ke jawatan Pensyarah Kanan pada tahun 2013.

Penganugerahan itu berdasarkan sumbangan dan pencapaian cemerlang beliau dalam bidang penyelidikan dan inovasi sejak tahun 2005 yang seringkali mengharumkan nama negara dalam pertandingan inovasi sama ada peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

Rekod cemerlang Mohd Farriz mendapat perhatian IEM apabila beliau menerima pelbagai pengiktirafan daripada negara-negara seperti Poland, Switzerland, Korea Selatan dan Qatar serta meraih lebih 100 anugerah pingat dalam pertandingan inovasi yang disertainya di seluruh dunia.

Selain kecemerlangan dalam bidang inovasi, beliau juga dilantik sebagai Duta Malaysia ke Pertubuhan "ASEAN Academy of Engineering and Technology" yang bertanggungjawab memberi kesedaran kepada masyarakat tentang penggunaan teknologi hijau dan kepentingan menjaga kelestarian alam sekitar.

Beliau yang diiktiraf oleh Board of Engineers Malaysia sebagai Jurutera Profesional turut dilantik oleh pihak MARA sebagai Perunding Teknikal di Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm) di Kuantan, Pahang.

"Saya bersyukur di atas penganugerahan ini dan ianya memberi cabaran baru untuk terus aktif menyumbang kepada komuniti, pelajar, universiti serta negara," kata Mohd Farriz sewaktu ditemui pada majlis tersebut.

Anugerah telah disampaikan oleh Presiden IEM, Dato' Ir. Lim Chow Hock.



VEHICLE SMART SECURITY (VESS) Bantu Kurangkan KES KEHILANGAN KENDERAAN

Menyedari kes kehilangan kenderaan semakin meningkat, seorang penyelidik UTeM telah mencipta sebuah alat keselamatan yang berfungsi memberi amaran kepada pemilik apabila kenderaan tersebut dikesan bergerak tanpa pengetahuan pemiliknya.

Alat yang dinamakan Vehicle Smart Security (VeSS) yang direka oleh Engr. Anuar Mohamed Kassim dari Fakulti Kejuruteraan Elektrik menggabungkan kesemua konsep teknologi terkini seperti pengesanan pergerakan kenderaan menggunakan sensor, teknologi sistem pesanan ringkas (SMS) serta teknologi Global Positioning System (GPS) yang dimuatkan di dalam satu kotak kecil dan dipasang dalam sesebuah kenderaan.


“Alat ini akan mematikan sistem enjin kenderaan setelah mengesan pergerakan yang tidak diingini pemilik secara automatik dengan teknologi sensor yang digunakan,” jelas Anuar ketika ditemui sewaktu menjalankan demonstrasi di Kampus Induk Durian Tunggal.

“Selain itu, satu pesanan amaran melalui sistem pesanan ringkas (SMS) akan dihantar kepada pemilik dengan memberikan koordinat kenderaan tersebut yang boleh diakses secara terus melalui Google Map bagi pengguna telefon pintar dan juga melalui komputer,” tambah beliau.

Katanya lagi, melalui sistem itu, pemilik dapat mengesan kedudukan kenderaan mereka dengan segera dan secara langsung memastikan kenderaan mereka dalam keadaan selamat.

Menurut Anuar, VESS telah didaftarkan harta intelek dan telah memenangi pelbagai anugerah di pameran inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

“VESS mempunyai pelbagai ciri keselamatan yang diperlukan pengguna berbanding dengan produk sedia ada di pasaran agak mahal dan mempunyai pemasangan rumit disebabkan banyak sensor perlu dipasang di seluruh kenderaan,” jelas Anuar.



Dengan adanya sistem ini, kes kecurian kenderaan dapat dikurangkan seterusnya dapat meningkatkan keselamatan kenderaan pengguna. Beliau turut mempelawa mana-mana pihak yang berminat, boleh menghubungi beliau melalui email: anuar@utem.edu.my.



PELAJAR FTK

Bersaing Dalam Pertandingan

FORMULA STUDENT RACING CAR – ENGINEERING SAFETY CHALLENGE

9 Mei : Seramai 55 orang pelajar Tahun 3 yang mengikuti Program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Automotif) Fakulti Teknologi Kejuruteraan telah menyertai pertandingan *Formula Student Racing Car: Engineering Safety Challenge* bertempat di Kampus Teknologi UTeM kelmarin.

Pertandingan anjuran Jabatan Teknologi Kejuruteraan Mekanikal fakulti itu merupakan pertandingan antara dua kumpulan dalam merekabentuk kereta lumba di samping menguji prestasi kenderaan masing-masing di litar.

Menurut Ahmad Zainal Taufik Zainal Ariffin selaku Ketua Program, setiap kumpulan diberi enjin yang berbeza iaitu enjin motosikal transmisi manual dan sebuah lagi enjin motosikal transmisi automatik.

“Pelajar dalam pasukan tersebut diberi cabaran untuk merekabentuk dan menghasilkan jentera yang mantap untuk diuji kemampuannya di

atas litar,” kata Ahmad Zainal ketika ditemui.

Pertandingan telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan (Penyelidikan & Jalinan Industri) FTK, Rohana Abdullah.

Dalam ucapannya, Rohana menjelaskan bahawa pertandingan itu mendedahkan pelajar dalam bidang automotif dan memberi pengalaman yang amat berharga kepada mereka kerana berpeluang membangunkan sendiri sebuah kenderaan yang boleh berfungsi sepenuhnya.

Pertandingan dibahagikan kepada lima peringkat ujian iaitu ujian pecutan, ujian brek, ujian pusingan 8, pusingan U dan pusingan S untuk menguji kehebatan jentera masing-masing.

Setelah mangharungi setiap ujian, johan menjadi milik pasukan *ARD 26* manakala pasukan *Beta Force* hanya mampu merangkul tempat kedua.





Program Keusahawanan Bentuk Mahasiswa Kreatif Dan Berdaya Saing

20 Mei : Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan telah menganjurkan program Eksplorasi Keusahawanan 2014 (Entrepreneurial Explorace UTeM 2014) beru-baru ini bertempat di kawasan tumpuan pelancong di Banda Hilir, Melaka.

Menurut Pengarah Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Pembelajaran Berterusan UTeM, Prof. Dr. Khairul Baharein Mohd Noor berkata, program itu dianjurkan bertujuan mengasah bakat keusahawanan dalam kalangan mahasiswa universiti yang terdiri daripada pelbagai fakulti merangkumi kejuruteraan, teknologi maklumat dan pengurusan.

Secara umumnya, pelajar dibahagikan kepada beberapa kumpulan yang bersaing melengkapkan tugas diberikan dan dalam masa sama berusaha meraih pendapatan tertingggi melalui aktiviti keusahawanan yang dijalankan.

“Seramai 60 orang pelajar terlibat dalam program eksplorasi ini yang bertujuan memberi pendedahan secara praktikal kepada mereka terhadap selok belok keusahawanan dan aplikasi strategi berkesan,” jelas Dr. Khairul.

Katanya lagi, kawasan Banda Hilir dipilih kerana faktor pelancong yang ramai dan pelajar boleh menggunakan kemahiran berkomunikasi berkesan dalam usaha menyelesaikan tugas diberikan.

Program tersebut akan diteruskan pada masa akan datang berikutan maklumbalas positif diterima oleh pelajar serta komuniti setempat khususnya pelancong turut sama menjayakan aktiviti tersebut.

Festival

Musim Bunga UTeM

Disambut Meriah



15 Mei : Festival Musim Bunga (Spring Festival) anjuran Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina dengan kerjasama Unit Kebudayaan Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA) berlangsung dengan meriahnya di Pusat Perkhidmatan Pelajar (PPP) Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Menurut Pengarah Program, Pang Kee Kiat berkata, festival itu diadakan bagi menambah pemahaman dan membantu pelajar untuk lebih mengenali budaya masyarakat berbilang kaum yang terdapat di Malaysia.

Jelasnya, kepelbagaian masyarakat di Malaysia khususnya di UTeM berpeluang untuk bersama-sama menyambut perayaan seterusnya menggalakkan keharmonian kaum serta memperkenalkan budaya tradisional Cina yang hampir dilupakan oleh generasi muda.

Penganjuran itu juga bagi memupuk semangat 1Malaysia dan mengeratkan hubungan antara mahasiswa, memperkenalkan kebudayaan Cina kepada kaum lain supaya dapat menambahkan pemahaman tentang budaya ini dan memupuk perpaduan di kalangan mahasiswa UTeM yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum.

Majlis dihadiri oleh pegawai-pegawai universiti dan lebih 200 tetamu jemputan dan masyarakat sekeliling serta pelajar jemputan dari institusi pengajian tinggi berhampiran.

Antara yang menarik perhatian penonton ialah pertandingan catur Cina, Persembahan Gendang 24 Musim, Persembahan Tarian Singa, Tarian Tradisional Kebudayaan Cina serta pertandingan nyanyian dan tarian untuk kanak-kanak. Turut diadakan acara cabutan bertuah, jualan amal serta pertandingan sukan rakyat.



MANTAN YDP MPP

Terima Anugerah Kepimpinan

UTeM 2013

6 Mei : Mantan Yang DiPertua Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/2013 Muhd Noor Rushdan Abdullah telah dianugerahkan Anugerah Kepimpinan pada Majlis Anugerah Bakti dan Kegemilangan Pelajar 2013 yang telah diadakan di Arked Lestari, Kolej Kediaman Lestari Kampus Induk Durian Tunggal kelmarin.

Pemilihan dibuat berdasarkan sumbangan dan pencapaian beliau terutamanya semasa menjadi YDP MPP, mengetuai pelbagai program antaranya Pengarah Konvo Fest UTeM ke-9, Pengarah khidmat komuniti di Indonesia serta Pengarah Program Konvoi Bakti Khidmat Masyarakat peringkat kebangsaan sekaligus menerima wang tunai sebanyak RM400.00, sijil penghargaan dan trofi.



Majlis tersebut telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) Prof. Ir. Dr. Mohd. Jailani Mohd. Nor yang mewakili Naib Canselor.

Turut hadir YDP MPP UTeM Mohammad Nor Adnan Abu Bakar serta pengetua-pengetua kolej kediaman UTeM, pegawai-pegawai HEPA dan kira-kira 200 orang wakil fakulti, kelab dan persatuan.

Majlis turut menyaksikan penyampaian anugerah kebudayaan individu kepada Muhammad Izuddin Johari dari Kelab Kebudayaan Kasawari, anugerah kemasyarakatan kategori kumpulan dimenangi oleh Kelab Penyayang, anugerah kolej kediaman terbaik dimenangi oleh Kolej Kediaman Murni dan anugerah persatuan fakulti terbaik pula dimenangi oleh Persatuan Pelajar Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FETSA) serta anugerah kelab terbaik dimenangi oleh Kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS).

Pemenang bagi setiap kategori individu menerima wang tunai sebanyak RM300.00, sijil penghargaan dan trofi dan bagi kategori kumpulan, pemenang menerima wang tunai RM500.00, sijil penghargaan dan trofi.



Menurut Timbalan Naib Canselor (HEPA) Prof. Madya Dr. Izaidin Abdul Majid berkata, penganjuran majlis tersebut adalah bagi memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada pelajar yang telah mencapai kejayaan dan meningkatkan nama universiti sepanjang tahun 2013 di dalam dan luar negara, mengenang jasa bakti dan kegemilangan pelajar terutama dalam aktiviti-aktiviti kokurikulum yang memberi kebanggaan kepada universiti serta memberi galakan dan motivasi kepada pelajar untuk terus cemerlang.



21 Mei : Keunggulan Nor Fadli Normohamed dalam sukan olahraga telah melayakkan beliau merangkul anugerah Olahragawan UTeM bagi tahun 2013 manakala Yeni Ermita Daswir muncul sebagai Olahragawati pada Majlis Anugerah Sukan Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) yang berlangsung hari ini.

Sumbangan dan pencapaian cemerlang Nor Fadli dalam sukan olahraga antaranya pungutan tiga pingat emas di temasya olahraga tahunan UTeM, satu pingat gangsa di Kejohanan Olahraga Terbuka Selangor, dua pingat perak di Kejohanan Olahraga Terbuka Melaka dan satu pingat emas di Kejohanan Orienteering Universiti Islam Antarabangsa (UIA).

Bagi atlet sukan mendayung, Yeni Ermita meraih pingat gangsa di Karnival Sukan Majlis Sukan Universiti Malaysia (MASUM), pingat emas di kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) di Kuala Lumpur dan mewakili Malaysia dalam acara mendayung Sukan SEA di Vietnam.

Nor Fadli merupakan pelajar dari Fakulti Kejuruteraan Pembuatan manakala Yeni Ermita dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi masing-masing dianugerahkan piala, sijil penghargaan dan wang tunai RM 300 setiap seorang.

Anugerah Olahragawan kategori staf dimenangi oleh Shamsul Sabtu bagi mengiktiraf sumbangannya dalam sukan olahraga dan bolasepak manakala Olahragawati menjadi milik Norashikin Hashim yang beraksi cemerlang dalam acara olahraga dan bola jaring.

Sementara itu, pasukan tenpin bowling lelaki memenangi anugerah pasukan cemerlang kategori pelajar dan pasukan olahraga lelaki veteran memenangi anugerah tersebut bagi kategori staf.

Kesemua anugerah disampaikan oleh Naib Canselor, Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan serta dihadiri oleh Timbalan-timbalan Naib Canselor dan pengurusan kanan universiti.



Aktiviti @ UTeM



3rd International Conference on Design and Concurrent Engineering
IDECON 2014
<http://idecon2014.utem.edu.my/>

Theme:
Emerging Technologies Towards Sustainable Manufacturing
22 - 23 September 2014 | Avillion Legacy Hotel Melaka, Malaysia

Organised by:
Faculty of Manufacturing Engineering
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Supported by:

Logos: UTeM, Ministry of Education Malaysia, MRM, Visit Malaysia 2014, JSME, UTeM.



ISORIS'14
International Symposium on Research in Innovation and Sustainability 2014
"Innovative Solutions Towards Sustainability"

October, 15-16, 2014,
Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM),
Malaysia.

Logos: UTeM, ISORIS'14, and images of a mosque, a modern building, and a historical site.



MIR Labs
Innovation First

UTeM
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

4th World Congress on Information and Communication Technologies



IUCET 2014
EMPOWERING INNOVATION CULTURE IN PIONEERING FUTURE TECHNOLOGY

10 - 11 November 2014 | UTeM

Call for Paper Submission
11 May 2014

Logos: Universiti Malaysia Pahang, UTeM, Kementerian Pendidikan Malaysia, UMAP, UTHM.

KETUA EDITOR :



Fazidah Ithnin

WARTAWAN :



Zulfatria Abdullah



Bob Faizeli Mohamed Din

REKA BENTUK GRAFIK :



Aziza Md Buang



Khairul Fakhru Radhi Borhan

JURUFOTO :



Md. Nor Mohamad Saleh



Asri Abu



Nurulidayu Talib



Mohd Farid Supangi

PENGEDARAN :



Mohamad Haffize Ramli



Mohammad Taufik Osman

Peluang Beramal

SEMPENA IHYA' RAMADAN AL-MUBARAK

1435H

Bersempena dengan kehadiran bulan Ramadhan al-Mubarak yang hampir tiba, Pusat Islam UTeM dengan kerjasama Jawatankuasa Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM akan melaksanakan pelbagai aktiviti bagi menghidupkan bulan barakah ini.

Antara aktiviti yang akan dijalankan ialah :

- 1 Majlis Berbuka Puasa dan Sahur (Setiap Hari Termasuk Sabtu Dan Ahad)
- 2 Agihan Bubur Lambuk (Mengikut PTj)
- 3 Qiamullail Perdana (Yang Akan Diadakan Pada 10 Malam Terakhir, Termasuk Buka Puasa, Moreh Dan Sahur)
- 4 Tadarus Mega (Yang Akan Dijalankan Pada Hari Nuzul Al-Quran)
- 5 Sumbangan Untuk Anak Yatim, Fakir, Miskin, Muallaf Dan Ibu Tunggal Sempena Majlis Iftar Bersama Canselor UTeM
- 6 Kuiz Ihya' Ramadhan
- 7 Lain-lain Aktiviti Dakwah Di Bulan Ramadhan

Oleh yang demikian, Pusat Islam UTeM mengalu-alukan sumbangan berbentuk **wang tunai atau dalam bentuk barangan** bagi menghidupkan aktiviti bulan Ramadhan yang mulia ini.

Sumbangan tersebut boleh disampaikan **SECARA TUNAI** kepada Ustaz Aswanzie Abbyd Zainal Abidin di talian 019-201 0706 ataupun melalui **pindahan wang ke akaun BANK ISLAM atas nama akaun " MASJID SAYYIDINA ABU BAKAR UTeM " : 0401-5010-0605-71**. Ramadhan yang mulia ini.

***SEBARANG URUSAN PINDAHAN WANG, DIMOHON UNTUK DISERTAKAN SLIP PINDAHAN WANG DAN DIEMAILKAN ATAU DIHANTAR KEPADA USTAZ ASWANZIE ABBYD BAGI TUJUAN MENGURUS DAN MEREKOD JUMLAH WANG SUMBANGAN TERSEBUT UNTUK DIBELANJAKAN PADA PROGRAM IHYA' RAMADHAN.**

Untuk makluman, sumbangan tuan/puan boleh disalurkan bermula HARI INI dan tarikh akhir untuk menyumbang bagi Ihya' Ramadhan ialah pada 23 Julai 2014 bersamaan 25 Ramadhan 1435H.

Selepas daripada tarikh tersebut, semua sumbangan akan disalurkan bagi tujuan aktiviti Masjid Sayyidina Abu Bakar UTeM.

Sebarang pertanyaan sila hubungi Unit Masjid Dan Penerbitan di talian 06-555 2016 atau emailkan kemusykilan anda kepada aswanzie@utem.edu.my.

Segala sumbangan yang diberikan didahului dengan ucapan terima kasih dan mudah-mudahan tuan/puan akan mendapat rahmat daripada Allah SWT.

